

05/04/2001

Ramai sokong dasar baru, RRJP3

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelbagai pihak menyokong Dasar Wawasan Negara dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam, yang memberi penekanan kepada pembangunan seimbang dan saksama.

Tinjauan Berita Harian di ibu kota hari ini, mendapati orang ramai berharap RRJP3 dapat meningkatkan pertumbuhan dan permodenan ekonomi di peringkat antarabangsa berikutan kegawatan ekonomi pada 1997/1998.

Seorang pesara, Othman Abu Bakar, 59, berkata perpaduan amat penting bagi meraih kejayaan dan kemajuan yang dirancang dalam RRJP3.

"Walaupun dasar yang dilaksanakan, matlamat negara perlu diberi keutamaan. Pucuk pangkalnya, pemimpin yang dipilih harus menjalankan tanggungjawab dengan cekap, jujur dan amanah.

"Segala rancangan kerajaan bertujuan membaiki taraf hidup serta kesejahteraan rakyat. Rakyat perlu bersyukur dengan pelaksanaan ini kerana ia mencerminkan kewibawaan pemimpin negara dan memenuhi keperluan rakyat," katanya ketika ditemui di sini.

Seorang suri rumah, Siti Noor Abd Rahman, 56, yang menyokong dasar untuk membina masyarakat bersatu dan saksama berkata, RRJP3 banyak memberi manfaat kepada rakyat selain dapat merapatkan hubungan semua kaum di Malaysia.

"Tahap kemiskinan perlu dihapuskan bagi menjayakan Dasar Wawasan Negara dalam mengukuhkan pembangunan sumber manusia dan meningkatkan imej negara.

"Kerajaan juga perlu mengawal tambang kenderaan awam, serta kenaikan harga barangan runcit agar ia tidak melampaui kemampuan rakyat," katanya.

RRJP3 menggariskan beberapa teras strategik bagi mencapai pembangunan mapan, ke arah persediaan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Jurutera komputer, Saravanan Govindasamy, 27, berharap melalui RRJP3, Malaysia dapat membangun dari segi sosial, ekonomi dan politik selain mewujudkan masyarakat majmuk yang harmoni dan bersatu padu.

Katanya, Malaysia perlu bersaing dalam perdagangan antarabangsa untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemajuan ekonomi harus berteraskan kemajuan dalam bidang komputer untuk mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi.

"Kini bidang komputer mencapai pelbagai perubahan dari semasa ke semasa. Perubahan ini perlu diaplikasikan dalam semua bidang untuk mencapai pembangunan yang pesat," katanya.

Pelajar Universiti Malaya (UM), Rozanatul Raniah Azman, 21, berkata, adalah menjadi harapan RRJP3 memberi tumpuan terhadap sistem pendidikan dalam melahirkan generasi yang berkaliber dan berwawasan.

Katanya, kerajaan perlu meningkatkan kemudahan seperti penggunaan komputer, perpustakaan, bantuan kewangan dan buku bagi pelajar di kawasan luar bandar.

"Ini akan menambahkan minat pelajar melanjutkan pelajaran sehingga ke menara gading.

"RRJP3 perlu meningkatkan kualiti sistem pembelajaran dan menambahkan bilangan kemasukan pelajar ke universiti untuk melahirkan generasi yang berpendidikan pada tahun 2020," katanya.

Beliau berkata, peluang pendidikan bagi golongan kurang upaya juga perlu diperluaskan dengan membina sekolah, pusat latihan dan menyediakan segala kemudahan yang diperlukan.

Seorang pelatih jururawat swasta, Mak Lee Fong, 20, berkata, dasar ini

penting bagi menggalakkan pelaburan swasta dalam negara serta mengukuhkan penyertaan dan pelaburan badan korporat.

"Penjagaan alam sekitar penting bagi memastikannya sentiasa bersih. Ini meningkatkan tahap kesihatan serta membangunkan sumber ekonomi melalui sektor perlancongan," katanya.

(END)